UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination
Academic Session 2006/2007

April 2007

**RTK 536 – Infrastruktur & Perkhidmatan Pelancongan**
***(Infrastructure & Tourism Services)***

Masa: 3 jam
*(Duration : 3 hours)*

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that this examination paper consists of **FIVE** pages of printed material before you begin the examination.*

Jawab **LAPAN** soalan. Jawab **EMPAT** soalan dari **Bahagian A** dan **EMPAT** soalan dari **Bahagian B**.

*Answer **EIGHT** questions. Answer **FOUR** questions from **Section A** and **FOUR** questions from **Section B**.*

...2/-

**Bahagian A** (Pilih **EMPAT** soalan sahaja)
***Section A** (Choose **FOUR** questions only)*

1. Mengapakah perlu perancangan sebelum pelaksanaan (pembinaan) projek pelancongan?

   *Why planning is required before implementing a tourism project?*

   (5 markah/*marks*)

2. Infrastruktur fizikal adalah antara komponen utama yang digunakan dalam menyediakan Kajian Kedayadidupan projek. Nyatakan apakah komponen-komponen lain yang terlibat dengan mengikut susunan yang betul.

   *Physical infrastructure is among the major components in the preparation of a project's Feasibility Study. Identify the other components that are involved in the correct order or sequence.*

   (5 markah/*marks*)

3. Senaraikan **ENAM (6)** faktor utama yang mempengaruhi isu dan masalah dalam penyediaan infrastruktur fizikal untuk projek pelancongan dan rekreasi.

   *List out the **SIX (6)** main factors that influence issues and problems during the provision of physical infrastructure in tourism and recreational projects.*

   (5 markah/*marks*)

4. Antara **DUA (2)** ciri-ciri penting yang perlu diambil perhatian oleh pemilik resort atau pusat rekreasi dalam menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan adalah:-

   (a) Fungsi perkhidmatan
   (b) Keperluan mengikut keutamaan

   Bincangkan secara ringkas **DUA (2)** ciri di atas.

   *Among the **TWO (2)** important characteristics that should be considered by resort owners in the preparation of infrastructure and services are:-*

   *(a) The service function*
   *(b) Requirement according to priorities*

   *Briefly discuss the **TWO (2)** characteristics.*

   (5 markah/*marks*)

5. Berikan **TIGA (3)** contoh kemudahan infrastruktur untuk resort pulau yang selalunya memerlukan kos yang tinggi semasa pembinaan.

   *Give **THREE (3)** examples of infrastructure facilities for an island resort that, in most cases, involves high cost of construction.*

   (5 markah/*marks*)

6. Senaraikan **LIMA (5)** perbezaan antara Bandaraya Bangkok dan Phnom Penh dari aspek kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan untuk pelancongan.

   *List out **FIVE (5)** differences in terms of tourism infrastructure and facilities between Bangkok and Phnom Penh.*

   (5 markah/*marks*)

**Bahagian B** (Pilih **EMPAT** soalan sahaja)
***Section B** (Choose **FOUR** questions only)*

7. Penyediaan kemudahan dan servis oleh pemilik operator resort dan hotel banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor permintaan serta kehendak pengguna itu sendiri. Bincangkan faktor-faktor berkenaan.

   *The provision of facilities and services by a resort's owner and a hotel operator is being influenced by demand factors as well as the consumer needs. Discuss those factors.*

   (20 markah/*marks*)

8. Pulau Tioman sedang menghadapi tekanan pembangunan khususnya dalam kemasukan infrastruktur moden seperti marina, jeti dan lapangan terbang. Apakah pendapat anda tentang kemudahan infrastruktur sedia ada serta masa depan industri pelancongan di pulau berkenaan ?

   *Tioman Island is under intense development pressure with the construction of modern infrastructure such as marina, jetty and airport. Give your view with respect to the existing infrastructure in the island and the future prospect of its tourism industry.*

   (20 markah/*marks*)

9. Sesebuah 'forest based resort' atau pusat rekreasi yang dimajukan di kawasan hutan perlu mengambilkira komponen-komponen berikut di dalam program pembangunannya iaitu:-

   (a) Bahan binaan dan sumber sedia ada
   (b) Keunikan dan keistimewaan
   (c) Faktor Cuaca dan Topografi
   (d) Kemudahan dan Perkhidmatan
   (e) Pengangkutan dan Laluan Keluar Masuk

   Bincangkan hanya **TIGA (3)** sahaja daripada komponen di atas.

   *A forest based resort or a recreation center in a forest area has to consider various components in its development program, such as:-*

   *(a) Building material and available resources*
   *(b) Uniqueness and specialty*
   *(c) Topographic and climatic factors*
   *(d) Facilities and services*
   *(e) Transportation and accessibility*

   *Discuss only **THREE (3)** from the above components.*

(20 markah/*marks*)

10. Bincangkan kepentingan kemudahan sistem pengangkutan kepada industri pelancongan di Malaysia.

    *Discuss the importance of transportation system facilities for the tourism industry in Malaysia.*

(20 markah/*marks*)

11. Lazimnya, kos untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan pelancongan di negara-negara membangun adalah tinggi pada peringkat permulaan disebabkan oleh beberapa faktor. Akan tetapi, kos tersebut akan meningkat semula di peringkat akhir. Bincangkan faktor-faktor penyumbang dan beri contoh.

    *It is often argued that the cost of providing tourism infrastructure and services is often high initially in developing countries due to several factors. But, it tends to increase again at a later stage. Discuss the contributing factors and give examples.*

(20 markah/*marks*)

12. Terdapat **EMPAT (4)** komponen utama dalam menyediakan kemudahan dan servis pelancongan bagi pusat-pusat peranginan atau rekreasi iaitu kemudahan dalaman dan luaran, kemudahan aktiviti , kemudahan teknikal dan kemudahan sokongan. Bincangkan ciri-ciri kelebihan penyediaan kemudahan-kemudahan ini yang dapat menaikkan taraf sesebuah projek pelancongan itu.

    *There are **FOUR (4)** main components in the provision of facilities and services for resorts and recreational centers, namely internal and external services, activity services, technical and supplementary facilities. Discuss the advantages of these services that are designed to increase the standard of a tourism project.*

    (20 markah/*marks*)

- ooo O ooo -